



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DSM1043
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 2 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab pada kertas Jawapan.

SOALAN 1

Jadual 1 di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan penawaran Motosikal di daerah Segamat.

Harga (RM/unit)	Kuantiti Permintaan Motosikal (unit)	Kuantiti Penawaran Motosikal (unit)
5,000	50	15
5,500	40	25
6,000	30	30
6,500	20	35
7,000	10	55

Jadual 1

Berdasarkan jadual 1:

a. Lukiskan keluk permintaan dan penawaran di atas graf yang sama.

(3 markah)

b. Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan.

(2 markah)

c. Jika harga motosikal ditetapkan pada RM5,500 nyatakan sistem kawalan harga yang telah dilaksanakan. Jelaskan jawapan anda.


(2 markah)

d. Senaraikan **tiga (3)** kelemahan sistem kawalan harga yang telah dilaksanakan berdasarkan jawapan 1(c).

(3 markah)

SOALAN 2

Rajah 1 di bawah menunjukkan kuantiti diminta (Q_d) dan kuantiti ditawarkan (Q_s) bagi bahan tembakau pada pelbagai tingkat harga. Kerajaan mengenakan cukai yang menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri dari S_0 ke S_1 .



Berdasarkan Rajah 1:

a. Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan sebelum cukai.

(2 markah)

b. Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan selepas cukai.

(2 markah)

c. Kirakan cukai per unit yang dibayar oleh pengguna dan pengeluar.

(2 markah)

d. Berapakah jumlah cukai yang dikenakan oleh kerajaan?

(2 markah)

e. Siapakah yang membayar cukai yang lebih banyak? Jelaskan jawapan anda.

(2 markah)

SOALAN 3

Jadual 2 menunjukkan data pendapatan negara bagi sebuah negara.

Butiran	RM billion
Perbelanjaan penggunaan isi rumah	26,000
Pelaburan inventori persendirian	2,500
Susut nilai	1,500
Caruman KWSP	600
Cukai keuntungan syarikat	1,700
Perbelanjaan kerajaan	4,500
Eksport bersih	8,500
Bayaran pindahan	1,500
Cukai tak langsung	7,500
Cukai pendapatan persendirian	3,500
Subsidi	5,000
Pendapatan faktor bersih dari luar negara	-1200
Caruman PERKESO	2,300
Premium insuran	900

Jadual 2

a. Berdasarkan jadual 2, hitungkan:

i. Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$).

(2 markah)

ii. Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor ($KDNK_{kf}$).

(2 markah)

b. Berdasarkan jawapan pada 3a(iii), kirakan pendapatan persendirian.

(2 markah)

c. Senaraikan 4 komponen makroekonomi di dalam ekonomi.

(2 markah)

SOALAN 4

Data kewangan negara B adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	11,200
Sijil-sijil boleh runding	1,300
Sijil-sijil bank negara	850
Deposit tetap dan deposit simpanan bank komersial	13,250
Deposit semasa di bank komersial	9,760
Deposit tetap dan deposit simpanan di lain-lain institusi Kewangan	19,900

Jadual 3

a. Jika wang fiat ialah RM12,500 juta, berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Senaraikan **empat (4)** bentuk wang yang ada di dunia.

(2 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Lakarkan dan terangkan kesan perkara berikut terhadap harga dan kuantiti keseimbangan pelitup muka di Malaysia apabila:

a. Pandemik Covid-19 melanda negara Malaysia.

(10 markah)

b. Jumlah pengeluaran pelitup muka di Malaysia berkurangan.

(10 markah)

SOALAN 2

Huraikan **empat (4)** kegunaan data pendapatan negara.

(10 markah)

SOALAN 3

Pada zaman dahulu pelbagai jenis barangan atau komoditi yang dijadikan wang seperti kulit lembu, lembu, tembakau dan lain-lain sebagai kaedah pembayaran. Tetapi cara ini sukar untuk digunakan pada masa kini disebabkan oleh beberapa faktor contohnya sukar untuk dinilai. Berdasarkan situasi ini, huraikan **lima (5)** ciri wang yang sesuai digunakan pada masa kini.

(10 markah)

SOALAN 4

Bagi melindungi pengeluar di Malaysia, kerajaan mengenakan cukai import yang dikira berasaskan harga barang import. Misalnya, cukai import kereta ialah 50% bermakna cukai yang perlu dibayar ialah 50% daripada harga kereta itu.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan jenis cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

(2 markah)

b. Jelaskan **empat (4)** halangan perdagangan lain yang dilaksanakan oleh kerajaan selain jawapan anda pada kertas jawapan soalan 4 (a).

(8 markah)

c. Huraikan **lima (5)** perbezaan di antara perdagangan antarabangsa dengan perdagangan domestik.

(10 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT